

## The Usage of *Jemaah* and *Jemaah al-Muslimin's Terminology: An Analysis From Classical Scholars' Perspectives*

### Penggunaan Istilah *Jemaah* dan *Jemaah al-Muslimin*: Analisis Dari Perspektif Ulama Turathi

Muhammad Atiullah Othman\*

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding author: atiullah@fsk.upsi.edu.my

**Article history:** Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

#### Abstract

*Jemaah* is a term in political Islam that has been discussed since the early days of Islamic emergence and continue to be warmly discussed until now. This paper study meanings of 'Jemaah' and Jemaah al-Muslimin in al-Qur'an, al-Sunnah and Muslims scholar's perspectives. This study used documents analysis as its research methodology, especially analysis upon Islamic texts, works of *Mufassirin* and *Muhadithin*, classic and contemporary scholar's views. The results showed that 'Jemaah' is an abbreviation of *Jemaah al-Muslimin*. This means, both concepts shared same meaning of terminology standpoint. This study also found that the meanings of Jemaah which was written by al-Shatibi are actually an adaptation of al-Tabari's views. The Jemaah meanings are Islamic membership, majority of Islamic membership, a group of Islamic scholars and Prophet Muhammad's companions. This paper also finds no obstacles for any organizations and Islamic groups calling them Jemaah and Jemaah al-Muslimin as long as there are no contradiction of its true meanings. In fact, this term has a solid backup in al-Sunna and used by earlier scholars. The denial of Jemaah usage is only based on concern of political hardlines' existence in response to the loss of Islamic Caliph. This concern is fundamentally unable to deny its use because this term illustrates obligations of Muslims solidarity to unite and illegally divisive.

**Keywords:** Jemaah, Muslim solidarity, Islamic organizations, political Islam, Islamic thought.

#### Abstrak

*Jemaah* merupakan istilah dalam bidang politik Islam telah dibincangkan sejak zaman awal kemunculan Islam dan terus dibincangkan dengan hangat sehingga kini. Kertas ini menganalisis maksud Jemaah dan *Jemaah al-Muslimin* berdasarkan al-Qur'an, al-Sunnah dan pandangan para ulama. Kajian ini menggunakan analisis dokumen sebagai metodologi kajian, khususnya analisis terhadap nas-nas syarak, karya-karya *Mufassirin* dan *Muhadithin*, pandangan para ulama silam dan kontemporari. Hasil kajian mendapat Jemaah merupakan kependekan 'Jemaah al-Muslimin'. Ini bermakna, kedua-dua konsep ini mempunyai makna yang sama dari sudut istilah. Kajian ini juga mendapat makna-makna Jemaah yang dituliskan oleh al-Shatibi sebenarnya merupakan adaptasi dari pandangan al-Tabari'. Makna Jemaah adalah ahli Islam, sekumpulan besar dari ahli Islam, sekumpulan ulama yang berijtihad dan para sahabat Rasulullah Muhammad s.a.w. Tulisan ini juga mendapat tiada halangan mana-mana pertubuhan dan kumpulan Islam menggelarkan mereka Jemaah dan Jemaah al-Musliminselagi tidak bercanggah dari maksud-maksudnya yang sebenar. Malah, istilah ini mempunyai sandaran yang kukuh dalam al-Sunnah dan digunakan oleh para ulama Silam. Penafian terhadap penggunaan istilah ini hanyalah bersandarkan kepada kebimbangan kewujudan Jemaah berhaluan keras sebagai tindak balas kehilangan khilafah Islamiyyah. Kebimbangan ini secara asasnya tidak dapat menafikan penggunaannya kerana istilah ini menggambarkan kewajiban penyatu umat Islam agar bersatu padu dan haram berpecah belah.

**Kata kunci:** Jemaah; kesatuan Muslim; pertubuhan Islam; politik Islam; pemikiran Islam.

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

#### ■1.0 PENGENALAN

Pandangan para ilmuan Islam tidak kering dari isu-isu fundamental semasa yang bersesuaian dengan zaman dan latar belakang peristiwa seperti falsafah al-Farabi (1959) yang mencadangkan pembangunan bandar terbaik, pemikiran kewajiban melantik Imam yang dikemukakan oleh para pemikir al-Asha'irah seperti Imam al-Ghazali (1988), kewajiban mengembalikan politik Islam kepada rujukan al-Qur'an dan al-Sunnah seperti Ibnu Taymiyyah (1997) dan teori keadilan dan kebangkitan kerajaan oleh Ibnu al-Khaldun (2011). Begitu juga, Jemaah turut dibincangkan zaman silam terutamanya tokoh ulama terkemuka seperti Imam al-Maturidi (2005), Imam al-Shafi'i (1940, 1990) dan Ibnu Taymiyyah (1418H, 1995), ulama hadith seperti al-Qari (2002), al-Sibawaihi (1982), al-Sindi (1986) dan al-Mubarakfuri

(Tth.), dan ulama fiqh dari pelbagai mazhab Maliki, Shafi'i, Hanbali (Malik 1994, al-Shafi'i 1990, al-Kasani 1986, Ibnu 'Abidin 1992, Ibnu Rushd 2004, Ibnu al-Qayyim 1991, 1994).

Manakala pada zaman moden pasca kejatuhan khilafah turut mempunyai ijihad baru seperti penubuhan 'Jemaah al-Muslimin', penubuhan parti politik berteraskan Islam, pendirian terhadap demokrasi, pembabitan dalam pilihanraya dan kerjasama politik (Muhsin 1990). Dalam hal ini, pelbagai pandangan pro dan kontra berkaitan keperluan berjamaah, ada golongan yang menafikan kewujudan Jemaah al-Musliminsama sekali seperti Muhsin (1990), Abu Ashbal (2011(a)), Asri (2015) dan Zaharuddin (2015) dengan mengemukakan hujah selagi tiada khilafah, maka tiadalah Jemaah. Pandangan ini telah dikritik oleh al-Misri (2001), al-Qardawi (2015) dan Zaharudin (2015) dan mereka mendakwa pandangan ini adalah sangat longgar kerana mereka berpandangan Jemaah hanya wujud jika selepas mempunyai kekuasaan dan pemilihan imam atau Jemaah hanya pada umat lalu mendakwa tiada keperluan kewujudannya.

Pemahaman maksud Jemaah merupakan asas penting perdebatan ini. Oleh demikian, tulisan ini memberi penumpuan kepada pemahaman makna Jemaah al-Muslimin, dan analisis asas kewujudan idea ini dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Pemahaman makna Jemaah dalam hadis dilihat sudut pandang Imam al-Shatibi (2008) dan ulama-ulama silam. Hasil penelitian terhadap karya Imam al-Shatibi mendapat bahawa al-Shatibi mengambil pandangan al-Tabari (2000). Kemudian, perbincangan memasuki pemikiran politik moden yang terkesan daripada memahami nas-nas yang berkaitan dengan Jemaah dan Jemaah al-Muslimin. Selepas karya-karya ulama diselidiki, tiada halangan kepada mana-mana persatuan dan pertubuhan Islam menggelarkan kumpulannya sebagai Jemaah atau Jemaah al-Muslimin.

## ■2.0 DEFINISI JEMAAH

### Definisi Jemaah

Jemaah merupakan kependekan dari perkataan Jemaah al-Muslimin yang bermaksud ahli agama Islam atau masyarakat Islam (al-Nu'aimi 2000). Shaykh Ibnu 'Athimin menjelaskan asal perkataan Jemaah adalah penghimpunan (Al-Hazimi 2011). Ashaari dan Redzuwan (2008) turut menyimpulkan Jemaah diistilahkan perkumpulan manusia sama ada sedikit maupun banyak yang melazimi kesepakatan, kesatuan dan perpaduan.

### Definisi Jemaah dalam al-Qur'an

Ayat al-Qur'an paling masyhur yang dikaitkan dengan istilah Jemaah al-Muslimin adalah ayat 103 dalam surah Ali 'Imran dengan tafsiran dari Ibnu Mas'ud:

واعتصموا بحبل الله جمِيعاً وَلَا تُفْرِقُوا (al-Qur'an 3: 103)

Maksudnya: Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu  
bercerai-berai.

Berdasarkan ayat di atas, 'Hablillah' dengan makna Jemaah adalah masyhur dan kedapatan dalam kebanyakan kitab-kitab tafsir muktabar seperti al-Tabari (2000), al-Tha'labi (2002), al-Wahidi (1430H), al-Razi (1420H) dan al-Qurtubi (1964). 'Hablillah' ini ditafsirkan dengan maksud Jemaah al-Muslimin turut diperakui kebenaran maknanya oleh Ibnu Taymiyyah (1995). Begitu juga maksud 'Wa la tafarraqu' ditafsirkan sebagai arahan berjamaah (Ibnu Kathir).

Al-Jawzi (1422H) menyenaraikan enam makna 'Hablillah' iaitu makna pertama adalah kitabullah al-Qur'an sebagaimana diriwayatkan oleh Shaqiq daripada Ibnu Mas'ud dan diperkatakan oleh Qatadah, al-Dahhak dan al-Suda, makna kedua adalah Jemaah yang diriwayatkan oleh al-Shabi dari Ibnu Mas'ud, makna ketiga adalah agama Allah iaitu Islam yang diperkatakan oleh Ibnu 'Abbas, Ibnu Zayd, Maqatil dan Ibnu Qutaybah, makna keempat adalah agama Allah yang diperkatakan Mujahid, 'Ata', Qatadah dan Abu 'Ubayd, makna kelima adalah ikhlas sebagaimana diperkatakan Abu al-'Aliyyah dan makna keenam adalah arahan Allah dan ketaatan kepada-Nya sebagaimana diperkatakan Maqatil bin Hayyan.

### Maksud Jemaah dalam Hadith

Terdapat banyak lafadz Jemaah dalam hadith. Lafaz hadis yang menjadi tumpuan adalah:

1. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Huzayfah bin Yaman yang menyebut sabda nabi s.a.w. bermaksud, "Lazimlah Jemaah al-Muslimin dan kepimpinan mereka" (Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Manaqib, Bab 'Alamat al-Nubuwah fi al-Islam*, no: 3336. Sahih Muslim, *Kitab al-Imarah, Bab Wujub Mulazamah Jama'ah al-Muslimin 'inda Zuhur al-Fitan wa fi Kulli Hal wa Tahrim al-Khuruj 'ala al-Ta'ah wa Mufaraqah al-Jama'ah*, no: 3426).
2. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu 'Abbas: Sabda nabi s.a.w. yang bermaksud, "Barangsiaapa melihat daripada pemimpinnya sesuatu lalu membencinya, hendaklah bersabar. Maka sesungguhnya tiada seorangpun yang berpecah [daripada] jamaah satu jengkal lalu di mati, melainkan dia mati dalam keadaan mati jahiliyyah" (Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Sam' wa al-Ta'ah li al-Imam ma lam Takun Ma'siyah*, no: 6698. Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Imarah, Bab Wujub Mulazamah Jama'ah al-Muslimin cinda Zuhur al-Fitan wa fi Kulli Hal wa Tahrim al-Khuruj 'ala al-Ta'ah wa Mufaraqah al-Jama'ah*, no: 3430).
3. Riwayat Muslim dari Abu Hurayrah bahawa nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud, "Barangsiaapa keluar dari ketaatan dan berpecah dari Jemaah lalu dia mati, matilah dalam keadaan mati jahiliyyah" (Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Imarah, Bab Wujub Mulazamah Jama'ah al-Muslimin 'inda Zuhur al-Fitan wa fi Kulli Hal wa Tahrim al-Khuruj 'ala al-Ta'ah wa Mufaraqah al-Jama'ah*, no: 3428).
4. Hadis yang diriwayatkan al-Tirmizi daripada Ibnu 'Umar, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah tidak menghimpunkan Ummatku atau berkata umat Muhammad s.a.w. atas kesesatan. Dan tangan Allah bersama Jemaah" (*Sunan al-Tirmizi, Kitab Abwab al-Fitan, Bab ma Ja'a fi Luzum al-Jama'ah*, no: 2159). Berkata al-Tirmizi dan berkata taraf hadis adalah *hasan gharib*.

5. Sabda nabi lagi bermaksud, “Tiada dari tiga [orang] dalam kampung atau pendalaman yang tidak mendirikan sembahyang di sisi mereka melainkan syaitan telah menguasai mereka. Maka [wajiblah] atas kamu dengan Jemaah, sesungguhnya serigala memakan dari kambing yang terasing” (Sunan Abi Dawud, *Kitab al-Salah, Bab fi al-Tashdid fi Tark al-Jama’ah*, no: 460, Sunan al-Nasa’i, *Kitab al-Imamah, Bab al-Tashdid fi Tark al-Jama’ah*, no: 838).
6. Riwayat dari Mua’awiyyah bahawa nabi s.a.w bersabda yang bermaksud, “Beringatlah! Golongan sebelum kamu daripada kalangan ahli kitab telah berpecah kepada tujuh puluh dua anutan. Umat ini [pula] akan berpecah kepada tujuh puluh tiga iaitu tujuh puluh dua dalam neraka dan satu dalam syurga ia adalah Jemaah” (Sunan Abi Dawud, *Kitab al-Sunnah, Bab Sharh al-Sunnah*, no: 3963, Sunan al-Tirmizi, *Kitab al-Iman, Bab Ma Ja’fi Iftiraq Hazishi al-Ummah*, no: 2632). Al-Tirmizi menyebut hadis ini adalah hasan sohih.
7. Riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Mas’ud r.a. daripada nabi s.a.w bersabda yang bermaksud, “Tidaklah halal darah seseorang Muslim yang bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan daku adalah Rasulullah melainkan salah satu tiga [perkara]: janda yang berzina, jiwa dengan jiwa dan peninggal agamanya yang berpecah daripada Jemaah (Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Diyyat*, no: 6457, Sahih Muslim, *Bab al-Qissamah wa al-Muharibin wa al-Qisas wa al-Diyyat, Bab Ma Yubah bihi Damm al-Muslim*, no: 3167).

### ■3.0 METODOLOGI

Metode kajian yang digunakan adalah penyelidikan kualitatif. Kajian kualitatif yang dimaksudkan adalah kajian yang melibatkan data-data berbentuk huraihan dan tidak berbentuk angka. Bentuk analisis kajian kualitatif yang digunakan pula adalah analisis kandungan untuk menganalisis rujukan-rujukan. Justeru, metodologi analisis kandungan ini memerlukan penelitian isi kandungan, menilai hujah dan fakta, membuat perbandingan, kritikan positif dan membuat kesimpulan (Ahmad Sunawari 2010). Oleh itu, kajian ini menggunakan dua metode utama iaitu: metode pengumpulan data dan metode analisis data.

#### **Metode Pengumpulan Data**

Menyentuh metode pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode dokumentasi. Dokumentasi berasal daripada perkataan “dokumen” bererti sesuatu bertulis yang digunakan sebagai rekod atau bukti. Manakala dokumentasi pula bererti himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen yang dapat digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian dan penghasilan sesuatu terbitan (Dewan Bahasa dan Pustaka 2010). Dokumen-dokumen ini dapat dibahagikan kepada rujukan utama dan rujukan sekunder.

Oleh itu, kaedah analisis data digunakan bagi memahami karya-karya mereka yang juga merupakan kaedah kualitatif (Sarah dan Shannon 2005). Kaedah ini bagi menjawab persoalan apa, kenapa dan bagaimana menurut saringan yang ditetapkan (Ji Young Cho 2014). Tujuannya adalah bagi menjelaskan maksud, konteks dan niat dalam karya-karya tersebut (Prasad 2008).

Kajian ini juga berbentuk penyelidikan perpustakaan dengan merujuk buku dan jurnal sama ada bercetak atau bahan elektronik yang kedapatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dengan melayari internet, penulis telah berjaya mendapatkan data-data yang diperlukan lebih-lebih lagi dari laman web: <http://shamela.ws/index.php/category/142>.

#### **Metode Analisis Data**

Metode analisis data yang digunakan adalah analisis kandungan. Kaedah ini digunakan bagi menganalisis rekod ucapan, tulisan dan item tingkah laku yang diperhatikan penyelidik (Ahmad Sunawari 2010). Setelah dikumpulkan segala data yang diperlukan maka pengkaji mengolah data-data tersebut dan menganalisisnya.

### ■4.0 DAPATAN

#### **Pandangan al-Shatibi Mengenai Jemaah**

Dalam menjelaskan maksud *al-Jamaah* dan *Jemaah al-Muslimin*, pandangan al-Shatibi lebih menarik perhatian pengkaji. Imam al-Shatibi (2008) menyebut lima pendapat ulama mengenai makna Jemaah al-Muslimin iaitu pertama: sekumpulan besar dari ahli Islam, kedua: sekumpulan ulama yang berijihad, ketiga: para sahabat r.a. secara khusus, keempat: ahli Islam secara umum, dan kelima: sekumpulan muslimin apabila berhimpun atas seorang pemimpin.

#### **Pertama: Ahli Islam**

Makna ini adalah terlalu umum untuk memberi maksud sekumpulan yang beragama Islam. Makna *al-Jama’ah* ini dipelopori oleh Imam al-Maturidi (2005). Penggunaan ‘*al-Jemaah*’ dan *Jemaah al-Muslimin* sangat ketara dalam buku-buku fikah yang membincangkan permasalahan sembahyang jumaat, sembahyang raya, harta warisan, tanggungan *diyat*, harta rampasan perang, hak terhadap hamba, mengkafarkan mayat (Malik 1994, al-Shafi’i 1990, al-Kasani 1986, Ibnu ’Abidin 1992, Ibnu Rushd 2004, Ibnu al-Qayyim 1991, 1994). Al-Shatibi (2008) berpandangan bahawa makna ini bertepatan dengan hadis yang bermaksud, “Tidaklah umat ini berhimpun atas kesesatan”.

#### **Kedua: Sekumpulan Besar dari Ahli Islam.**

Perkataan yang digunakan al-Shatibi (2008) adalah ‘*al-Suwad al-‘A’зам*’ iaitu sekumpulan besar dari ahli Islam. Berkata al-Rajhi (1424H), ‘*al-Suwad al-‘A’зам*’ adalah sama ada melazimi Jemaah al-Muslimin bersama pemimpin atau *ijmak*’. Tambahan pula,

pemahaman makna Jemaah ini turut mempunyai makna Ahli Sunnah wal-Jamaah sebagaimana disebut oleh al-Athari (1422H) dan Muhammad (1994). Manakala al-Shatibi (2008) pula berpendangan makna ini adalah bersesuaian dengan athar Ibnu Mas'ud yang menyebut, “[Wajiblah] melazimi ketaatan dan jamaah. Maka sesungguhnya ia adalah tali Allah yang Dia arahkan dengannya dan sesungguhnya sesuatu kamu benci dalam jamaah adalah [lebih] baik dari sesuatu kamu suka dalam perpecahan” (Mustadrak Hakim, *Kitab al-Fitan wa al-Malahim*, Wa Amma Hadith ‘Uqayl bin Khalid, no: 8664).

### Ketiga: Sekumpulan Ulama yang Berijtihad

Pandangan ketiga membawa maksud Jemaah sebagai ijmak para ulama iaitu para ulama bersepakat dalam sesuatu perkara. Pandangan ini dipelopori oleh Imam al-Shafi'i (1940, 1990). Beliau pernah disoal mengenai melazimi Jemaah:

“Saya berkata (al-Shafi'i): Tiada makna melainkan satu.  
Berkata (si Penyoal): Bagaimana tiada andaian melainkan satu?

Saya berkata: Apabila Jemaah mereka berpecah-pecah dalam negara, maka seseorang tidak melazimkan perhimpunan badan-badan kaum yang berpecah. Jikalau wujud badan-badan ini menjadi satu himpunan dari Muslimin, Kafirin, orang-orang bertakwa dan orang-orang jahat, maka tiadalah pada melazimi badan-badan tersebut sebarang makna kerana ia tidak mungkin dan kerana himpunan ini tidak [dapat] melakukan sesuatu. Maka tiadalah melazimi Jemaah sebarang makna melainkan sesuatu yang [dipertanggung] atasnya Jemaah mereka dari penghalalan, pengharaman dan ketaatan pada kedua-duanya. Dan barangsiapa yang berkata sebagaimana kamu berkata dengannya ‘Jemaah al-Muslimin’, maka lazimlah Jemaah mereka. Dan barangsiapa yang bercanggah sesuatu yang kamu katakan dengannya adalah ‘Jemaah al-Muslimin’, maka Jemaah mereka telah bercanggah yang diarah dengan berlazim dengannya” (al-Shafi'i 1940).

Berdasarkan pandangan al-Shafi'i, Jemaah mempunyai dua perkara iaitu pertama: ikutan pada halal dan haram iaitu pada hukum hakam, dan kedua: ikutan pada perkataan yang diperkatakan Jemaah mereka iaitu berkaitan perkara akidah (al-Saqqaf et al 1433H). Jemaah yang bermaksud ijmak ini turut disebut oleh Ibnu Taymiyyah (1995), al-Qari (2002) dan al-Siba'i (1982). Al-Shatibi (2008) mengaitkan makna ini dengan pandangan Salaf dan Usuliyyin. Beliau turut menyandarkan makna ini kepada hadis yang bermaksud “Tidaklah umat ini berhimpun atas kesesatan”.

### Keempat: Sekumpulan Muslimin apabila berhimpun atas seorang pemimpin.

Pandangan keempat adalah sekumpulan Muslimin apabila berhimpun atas seorang pemimpin. Pandangan ini bertepatan dengan hadis Huzayfah bin Yaman dan diperakui oleh ulama hadis yang menyebut ketaatan kepada pemimpin secara umum (al-Shatibi 2008). Pandangan ini turut diperkatakan oleh Ibnu Taymiyyah (1995) dan al-Sindi (1986).

Namun, ada pendapat yang menghususkan makna pemimpin ini kepada Khalifah semata-mata seperti pandangan Abu Ashbal (2011(a), 2011(b)), Muhsin (1990) dan Zaharuddin (2015). Pandangan sedemikian menolak kewujudan Jemaah al-Muslimin pada zaman sekarang kerana ketiadaan khalifah.

Pandangan sedemikian tidaklah disepakati. Malah, kedapatan pandangan dari Al-Tabarani yang menyebut kepimpinan adalah khalifah tetapi beliau tidaklah menidakkan kepimpinan selainnya (al-Mubarakfuri Tth.). Begitu juga, Ibnu Taymiyyah (1418H) turut mengumumkan kepimpinan ini bukan sekadar khalifah. Beliau menyebut:

“Fasal. Wajiblah diketahui bahawa wala’ pada urusan manusia dari kewajiban-kewajiban agama yang terbesar. Bahkan tidak berdiri bagi agama dan tidak pula bagi dunia melainkan dengannya. Maka sesungguhnya Bani Adam adalah maslahat mereka tidak sempurna melainkan dengan berhimpun bagi hajat sebahagian mereka kepada sebahagian [yang lain]. Dan tidak dapat tidak bagi mereka ketika berhimpun daripada ketua sehingga nabi s.a.w. bersabda: ‘Apabila tiga [orang] keluar dalam permusafiran, maka hendaklah mereka menjadikan salah seorang mereka sebagai ketua’.”

### Kelima: Para sahabat RA secara khusus.

Al-Shatibi (2008) menyebut bahawa makna Jemaah juga ditujukan kepada para sahabat sahaja dan menyandarkan pandangan ini kepada 'Umar Ibnu 'Abd al-'Aziz. Namun, kedapatan Jemaah turut dilebarkan kepada Tabi'in seperti Ibnu Jibrin (2010). Kedapatan juga yang melebarkan kepada para Tabi' al-Tabi'in seperti al-Qari (2002) dan al-Athari (1422H). Turut dilebarkan kepada para imam selepasnya seperti al-Rajhi (2011).

Abu Shamah (1978) dan Muhammad (1994) pula menambah makna keenam iaitu bersepakat ahli kebenaran dan melaziminya. Pandangan beliau ini bersandarkan Athar dari Ibnu Mas'ud:

الجماعَةُ مَا وَافَقَ الْحَقَّ وَإِنْ كُنْتَ وَحْدَكَ

Maksudnya: Jemaah adalah sesuatu bersepakat dengan kebenaran walaupun kamu berseorangan.

Pandangan ini turut diperkatakan oleh Ibnu al-Qayyim (1991) dengan menyebut:

وَاعْلَمُ أَنَّ الْإِجْمَاعَ وَالْحَجَةَ وَالسُّوَادَ الْأَعْظَمَ هُوَ الْعَالَمُ صَاحِبُ الْحَقِّ وَإِنْ كَانَ وَحْدَهُ وَإِنْ خَالَفَهُ أَهْلُ الْأَرْضِ

Maksudnya: Hendaklah mengetahui bahawa ijmak, hujjah, ‘al-Suwad al-A'zam’ adalah orang berilmu dan pemilik kebenaran walaupun berseorangan dan walaupun [seluruh] ahli bumi berkhilaf dengannya.

### Rumusan Pembahagian al-Shatibi

Hakikatnya, pembahagian al-Shatibi ini diambil dari pembahagian al-Tabari. Ibnu Hajar al-'Asqalani (1379H), Ibnu al-Mulqan (2008) dan al-Mubarakfuri (Tth.) menjelaskan al-Tabari menyenaraikan kelima-lima makna ini dan memilih maksud keempat adalah bersandarkan makna melazimi Jemaah dan lebih khusus kepada hadis Huzayfah bin Yaman. Beliau tidak menidakkannya makna Jemaah yang wujud pada hadis lain. Begitu juga Imam al-Shatibi (2008) menyebut al-Tabari memilih maksud keempat adalah bersandarkan makna hadis melazimi Jemaah.

Imam al-Shatibi (2008) juga tidaklah memilih salah satu makna al-Jemaah tetapi mengatakan bahawa lima makna tersebut adalah benar. Al-Saqqaf (1997) menyebut bahawa kesemua makna yang dibawa oleh al-Shatibi adalah makna-makna yang dikehendaki oleh hadis-hadis mengenai Jemaah. Begitu juga, Muhammad (1994) menyebut bahawa makna-makna Jemaah ini adalah berhampiran. Malah, perbezaannya adalah dari segi jenis bukan perbezaan bercanggah (اختلاف نوع لا تضاد). Kesamaan makna-makna ini turut diperkatakan oleh al-Asbahi (1974) dan al-Hazimi (2011).

Salih (1995) merumuskan pandangan al-Shatibi mengenai Jemaah ini membawa kepada dua perkara sahaja. Perkara pertama adalah Jemaah yang mereka berhimpun kepada pemimpin atas arahan Syarak, maka wajiblah melazimi Jemaah ini dan haram keluar dari pemimpin tersebut. Manakala perkara kedua: Jemaah adalah sesuatu yang disepakati oleh Ahli Sunnah wal-Jamaah dengan *itba'* dan meninggalkan *bid'ah*. Ia merupakan mazhab yang benar yang wajib diikuti atas jalannya. Ini merupakan tafsir Jemaah dengan para sahabat, ahli Ilmu dan hadis, ijmak dan 'al-Suwad al-'A'zam'.

Justeru, pemahaman mengenai Jemaah adalah berkaitan dengan akidah dan politik. Jemaah berkaitan akidah merujuk kepada rujukan utama Islam adalah al-Qur'an, al-Sunnah dan Ijmak. Manakala Jemaah berkaitan dengan politik adalah merujuk kepada kepimpinan dan kesatuan Muslimin dalam bidang politik. Oleh demikian, menyimpulkan figur utama yang merujuk dari sudut akidah adalah bermaksud para ulama. Manakala figur utama yang merujuk kepada makna politik adalah para kepimpinan yang bertemu oleh sekumpulan besar dari ahli Islam (al-Misri 2011, Ashaari dan Redzuwan 2008).

### ■4.0 PERBINCANGAN

Kesemua maksud yang dinyatakan ini merupakan sifat-sifat Jemaah dan Jemaah al-Muslimin. Oleh demikian, mana-mana Jemaah yang mempunyai sifat-sifat sedemikian adalah wajar digelar Jemaah al-Muslimin. Gelaran Jemaah al-Muslimin dengan berpandukan sifat turut diperkatakan oleh al-Sulami (2011). Beliau menyebut:

Jemaah ini bukanlah Jemaah keanggotaan iaitu berhimpun dalam satu negara dan bagi mereka satu parti. Bukanlah sedemikian. Ia hanyalah Jemaah yang bersifat dengan makna: Jemaah mereka Jemaah mempunyai sifat-sifat. Mana-mana yang mempunyai sifat-sifat ini, maka ia adalah dari mereka sama ada kamu mengenali mereka atau tidak mengenali mereka, dan sama ada dari negara Arab yang lain atau dari negara Muslimin yang lain" al-Sulami (2011).

Namun, ada golongan yang menafikan kewujudan Jemaah al-Musliminsama sekali seperti Muhsin (1990), Abu Ashbal (2011(a), 2011(b)), Asri (2015) dan Zaharuddin (2015) dengan mengemukakan hujah selagi tiada khilafah, maka tiadalah Jemaah. Pandangan ini telah dikritik oleh al-Misri (2001), al-Qardawi (2015) dan Zaharudin (2015) dan mereka mendakwa pandangan ini adalah sangat longgar kerana mereka berpandangan Jemaah hanya wujud jika selepas mempunyai kekuasaan dan pemilihan imam atau Jemaah hanya pada umat lalu mendakwa tiada keperluan kewujudannya.

Malah, pengkaji berpendapat pandangan yang menafikan kewujudan Jemaah al-Muslimin telah membatasi makna Jemaah al-Muslimindengan mengambil salah satu maknanya sahaja dan menyandarkan kepada al-Tabari dan al-Shatibi tanpa melihat keseluruhan perbincangannya. Tambahan pula, makna kepimpinan yang hanya dikhurasukan kepada khalifah tidak mengandungi dalil syarak. Pandangan sedemikian kemungkinan hanya terkesan dengan pandangan Muhsin.

Ada pula pandangan yang melampau lalu mengkhususkan Jemaah kepada sesuatu jema'ah secara khusus dan menafikan kumpulan lain sebagai satu Jemaah. Pandangan ini terlalu keras sehingga menjadikan Jemaahnya sebagai sumber akidah yang wajib dipatuhi dan menolak bantuan dan kerjasaman antara Jemaah dan kumpulan yang lain (al-Misri 2001, al-Qardawi 2015). Pandangan ini disandarkan kepada Jemaah al-Takfir wa al-Hijrah' yang menamakan diri mereka sebagai 'Jemaah al-Muslimin'. Jemaah ini ditubuhkan di Mesir dan mendapat sokongan para mahasiswa di universiti-universiti di Mesir (WAMY 1420H, al-Muqaddim 2008).

Atas sebab inilah, terdapat sebahagian ulama menghalang penggunaan Jemaah al-Muslimindan menggantikannya dengan 'Jemaah min al-Muslimin' kerana kewujudan sebuah Jemaah yang mendakwa mereka sahaja yang di atas jalan kebenaran dan Jemaah lain adalah sesat. Pandangan sedemikian antaranya disebut oleh Mustafa (1995), Yusuf al-Qardawi (2015), Ashaari dan Redzuwan (2008).

Pengistilan ini tidaklah terbit dari mana-mana nas syarak dan hanya bersandarkan kepada analogi Jemaah al-Musliminakan membawa kepada sikap mengkafirkkan sesama umat Islam. Justeru, Sa'id Hawwa (1984) menyatakan bahawa pandangan mengenai Jemaah al-Muslimintidaklah menyebabkan kesempuanan dan *ismah* (terperlihara dari kesalahan dan dosa). Malah, ia adalah terbuka kepada kebenaran berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah. Tambahan pula, Sa'id Hawwa (1984) mengajak agar jamaah-jamaah yang wujud pada zaman ini saling membantu atas dasar Islam dan kebaikan bersesuaian dengan saranan al-Qur'an dan al-Sunnah mengenai 'Jemaah al-Muslimin'.

Antara objektif agama Islam yang paling besar dan paling tinggi adalah kesatuan umat Islam, melazimi Jemaah al-Muslimindan tiada perpecahan (al-Turki 1418H). Pandangan yang mengharuskan perpecahan telah dikesan dimulakan oleh golongan al-Khawariz dan sebahagian Muktazilah. Mereka berpendapat tiada kewajiban berjema'ah (al-Jal'ud 1987, Ibnu Hazm t.th, al-Baghdadi 1977). Pandangan mengharuskan perpecahan ini adalah terbalik melalui akal dan syarak kerana akal memahami bahawa penyatuan adalah kekuatan yang saling menguat antara satu sama lain dan hadis-hadis banyak menuntut mukminin kepada melazimi Jemaah (Ibnu Taymiyyah 1995, al-Jal'ud 1987).

## ■5.0 PENUTUP

Istilah Jemaah al-Muslimin mempunyai sandaran al-Qur'an dan al-Sunnah. Oleh itu, tidaklah salah penggunaan istilah ini kepada mana-mana pertubuhan Islam. Hakikatnya, penggunaannya sudah berakar umbi dalam karya-karya para ulama silam dan isu Jemaah al-Muslimin seringkali dibangkitkan dalam karya-karya akidah, tafsir, hadis dan syarahan, fikah dan usul fikah, sirah dan karya-karya politik silam. Malah, al-Tabari dan al-Shatibi telah merumuskan maksud Jemaah al-Muslimin dengan makna ahli Islam, sekumpulan besar dari ahli Islam, sekumpulan ulama yang berijtihad, sekumpulan Muslimin yang mentaati pemimpin dan para sahabat r.a. secara khusus.

Namun, Jemaah al-Muslimin sebagai entiti umat Islam telah dinafikan dengan pelbagai sebab seperti dakwaan kehilangan khilafah Islamiyah dan kewujudan Jemaah berhaluan keras. Sebenarnya, sebab-sebab ini tidak dapat menafikan kewujudan nas hadis yang terlalu banyak menyentuh isu Jemaah al-Muslimin yang wujud perbincangannya hampir dalam semua bidang pengajian Islam.

Isu paling utama adalah penyatuan umat Islam. Justeru, pandangan penyatuan ini wujud sejak awal kebangkitan Islam dari zaman nabi, para sahabat dan tabi'in yang menyeru kepada kebersamaan dalam Jemaah Muslim. Ia merupakan kewajiban secara syarak dan aqli. Sebaliknya, *mufaraqah* adalah haram sebagaimana telah disebut dalam hadis-hadis mengenai Jemaah di atas.

## Rujukan

- Abu Ashbal, Hasan al-Zuhayri Ali Manduh al-Misri. (2011(a)). *Sharh Kitab al-Ibanah min Usul al-Diyanah*. Diambil: <http://shamela.ws/index.php/book/37436>. [4 Ogos 2015].
- Abu Ashbal, Hasan al-Zuhayri Ali Manduh al-Misri. (2011(b)). *Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah li al-Lalaka'i*. Diambil: <http://shamela.ws/index.php/book/37437>. [4 Ogos 2015].
- Abu Shamah, 'Abd al-Rahman bin Isma'il bin Ibrahim al-Maqdisi. (1978). *Al-Ba'ith 'ala Inkar al-Bid' wa al-Hawadith*. Al-Qahirah: Dar al-Huda.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. Pengenalan Methodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Gema Alam Enterprise.
- al-Asbhani, Ahmad bin 'Abdullah bin Ahmad bin Ishaq bin Musa bin Mihran al-Asbhani. (1974). *Hulliyat al-Awliya' wa Tabaqat al-Asfiya'*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ashaari, Muhamad Faisal Ashaari dan Redzuwan, Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2008). *Mafhum Jemaah al-Muslimin wa Mada Wujub al-Ittizam biha*. Dlm. *Islamiyat* 30 (2008). 161-128. Diambil: <http://ejournal.ukm.my/islamiyat/article/view/1896/1506>. [11 Ogos 2015].
- al-'Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani. (1379H). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Asri, Asri Zainul Abidin. (2015). *DATO' DR ASRI'-Maksud Jamaah Dlm Hadith*. Diambil: <https://www.youtube.com/watch?v=ecLv7gbJ6zM>. [11 Ogos 2015].
- al-Athari , Abdulla bin Abd al-Hamid al-Athari. (1422H). *Al-Wajiz fi 'Aqidah al-Salaf al-Salih Ahli al-Sunnah wa al-Jemaah*. Riyad: Wizarah al-Shu'uniyah al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Dawah al-Islamiyyah.
- al-Baghddati, 'Abd al-Qadir bin Tahir bin Muhammad bin 'Abdullah al-Baghddati. (1977). *al-Farq Bayna al-Firaq wa Bayan al-Firqaq al-Najiyah*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Farabi, Muhammad bin Muhammad Tarkhan al-Farabi. (1959). *Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*. Beirut: al-Matba'ah al-Kathulikiyyah.
- al-Ghazali, (1988). *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hazimi, Ahmad bin 'Umar bin Musa id al-Hazimi. (2011). *Sharh al-'Aqidah al-Wasatiyyah*. Diambil: <http://shamela.ws/index.php/book/37630>. [2 Ogos 2015].
- Ibn Hazm, Ali bin 'Ahmad bin Sa'id bin Hazm. (t.th). *al-Fasl fi al-Milal wa al-'Ahwa' wa al-Nihal*. Bayrut: Dar al-Jayl.
- Ibn al-Mulqan, 'Umar bin 'Ali bin Ahmad al-Shafi'i. (2008). *Al-Tawdih li Sharh al-Jami' al-Sahih*. Dimashq: Dar al-Nawadir.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakr bin Ayyub bin Sa'ad Sham al-Din Ibnu Qayyim al-Jawziyyah. (1991). *I'lam al-Muqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakr bin Ayyub bin Sa'ad Sham al-Din Ibnu Qayyim al-Jawziyyah. (1994). *Zad al-Mu'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin 'Umar bin 'Abd al-'Aziz. (1992). *Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Jibrin, 'Abdullah bin 'Abd al-Rahman bin 'Abdullah bin Ibrahim bin Fahd bin Hamd bin Jibrin. (2010). *Sharh al-'Aqidah al-Tahawiyyah*. Diambil: <http://shamela.ws/index.php/book/7724>. [5 Ogos 2015].
- Ibnu Khaldun, 'Abd ar-Rahmān ibn Muhammad ibn Khaldūn al-Hadramī. (2011). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Terjemahan Ahmadi Thoha. Jakarta: Pustaka Firdaus, 2011.
- Ibnu Rushd, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad Ibnu Rushd. (2004). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibnu Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Abd al-Salam bin Abdullah. (1995). *Majmu' al-Fataawa li Ibnu Taymiyyah*. Al-Madinah: Majma' al-Malik Fahd li Tiba ah al-Mashaf al-Sharif.
- Ibnu Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Abd al-Salam bin Abdullah. (1418H). *Al-Siyasah al-Shariyyah fi 'Islah al-Raiy wa al-Raiyyah*. Al-Saudiyyah: Wizarah al-Shu'uniyah al-Islamiyyah wa al-'Awqaf wa al-Dawah al-Islamiyyah.
- Ibnu Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Abd al-Salam bin Abdullah. (1997). *Al-Siyasah al-Shariyyah fi 'Islah al-Raiy wa al-Raiyyah*. Al-Saudiyyah: Wizarah al-Shu'uniyah al-Islamiyyah wa al-'Awqaf wa al-Dawah al-Islamiyyah.
- Jalal, Muhammad Jalal Abu al-Futuh dan 'Abd al-Mu'ti, 'Ali 'Abd al-Mu'ti Muhammad. (1994). *al-Fikr al-Siyasi fi al-Islam*. Iskandariyyah: Dar al-Ma'rifah al-Jamiyyah.
- al-Jal'ud, Mahmas bin 'Abdullah bin Muhammad. (1987). *al-Muwahid wa al-Mu'ad fi Shari'ah al-Islamiyyah*. Al-Mansurah: Dar al-Yaqin.
- al-Jawzi , 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin Muhammad al-Jawzi. (1422H). *Zad al-Musayyar fi 'Ilm al-Tafsir*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ji Young Cho. 2014. Reducing Confusion about Grounded Theory and Qualitative Content Analysis: Similarities and Differences. Dlm. *The Qualitative Report* 2014 Volume 19. Hlm. 1-20. <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR19/cho64.pdf> [4 September 2015].
- al-Kasani, Abu Bakr bin Mas'ud bin Ahmad. (1986). *Bada' i'l-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Malik, Malik bin Anas bin Amir. (1994). *Al-Mudawwanah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Maturidi, Muhammad bin Muhammad bin Mahmud al-Maturidi. (2005). *Tafsir al-Maturidi: Ta'wilat Ahli al-Sunnah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Misri, Kamal al-Misri. (2001). *Mafhum al-Jemaah Bayna al-Dayyiq wa al-Si'ah*. Diambil: <http://www.onislam.net/arabic/madarik/concepts/99401-2001-09-22%2018-14-40.html>. Diambil: 13 Julai 2015.
- al-Mubarakfuri, 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim al-Mubarakfuri. (Tth). *Tuhfat al-Ahwazi bi Sharh Jami' al-Tirmizi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad, Muhammad Ba Karim Ba 'Abdullah. (1994). *Wasatiyyah Ahli al-Sunnah Bayn al-Firaq*. Amman: Dar al-Rayah.
- Muhsin, Husin bin Muhsin bin 'Ali Jabir. (1990). *al-Tariq ila Jama at al-Muslimin*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- al-Muqaddim, Muhammad bin Ahmad bin Isma'il al-Muqaddim. (2008). *Fiqh Ashrat al-Sa'ah*. Iskandariyyah: Dar al-'Alamiyyah.
- Mustafa Mashhur. (1995). *Min Fiqh al-Dawah Juz' al-Awwal*. Al-Qahirah: Dar al-Tawz'i wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- al-Nu'aimi , Muhammad Salim al-Nu'aimi. (2000). *Takmilat al-Maqsim al-'Arabiyyah*. Jilid 2. Bagdad: Wizarah al-Thaqafah wa al-'Ilam.
- Prasad D. 2008. Content Analysis: A Method in Social Science Research. Dlm. *Research Methods for Social Work*. Hlm. 173-193. New Delhi: Rawat.
- al-Qardawi , Yusuf. (2015). *al-Jama'at al-Islamiyyah bayna Bid'ah wa al-Wujub*. Diambil: <http://qaradawi.net/new/all-fataawa/5359-2011-09-21-08-26-20>. [Diambil: 7 Ogos 2015].

- al-Qari, 'Ali bin Muhammad al-Mila al-Harawi al-Qari. (2002). *Mirqah al-Mafatih Sharh Mishkah al-Masabih*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr bin Farh al-Ansari al-Khzraji al-Qurtubi. (1964). *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- al-Rajhi, 'Abd al-'Aziz bin 'Abdullah bin 'Abd al-Rahman. (2011). *Sharh Kitab al-Sunnah li al-Barbahari*. Diambil: <http://shamela.ws/index.php/book/35083>. [5 Ogos 2015].
- al-Rajhi, 'Abd al-'Aziz bin Faysal al-Rajhi. (1424H). *Qam' al-Dajajilah al-Ta'inin fi Mu'taqid A'imma al-Islam al-Hanabilah*. Al-Riyadh: Matabi' al-Humaysi.
- al-Razi, Muhammad bin 'Umar bin al-Hasan bin al-Husayn al-Taymi al-Razi. (1420H). *Mafatih al-Gayb*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Sa'id Hawwa. (1984). *Al-Madkhil ila Da'wah al-Ikhwan al-Muslimin*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbab.
- Salih, 'Abd al-Rahman bin Salih bin Salih al-Mahmud. (1995). *Mawqif Ibnu Taymiyyah min al-Asha'irah*. Al-Riyad: Maktabah al-Rushd.
- al-Saqqaf, 'Alawi bin Abd al-Qadir (Pnyt). (1433H). *Al-Mawsu'ah al-'Aqadiyyah*. Diambil: <http://shamela.ws/index.php/book/38058>. [4 Ogos 2015].
- al-Saqqaf, 'Alawi bin 'Abd al-Qadir. (1997). *Muktasar Kitab al-'Itisam*. Riyad: Dar al-Hijrah.
- Sarah, Hsiu-Fang Hsieh dan Shannon E. 2005. Three Approaches to Qualitative Content Analysis. Dlm. *Qualitative Health Research*, Vol. 15 No. 9, November 2005. New York: Sage Publications.
- al-Shafi'i, Muhammad bin Idris bin al-'Abbas. (1940). *Al-Risalah*. Al-Qahirah: Maktabah al-Halabi.
- al-Shafi'i, Muhammad bin Idris bin al-'Abbas. (1990). *Al-Umm*. Bayrut: Dar al-Ma rifah.
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lakhami al-Shatibi. 2008. *al-'Itisam*. Jaddah: Dar Ibn al-Jawzi.
- al-Siba'i, Musafa bin Husni al-Siba'i. (1982). *Al-Sunnah wa Makanatuhu fi al-Tashri' al-Islami al-Juz' al-Thalith*. Dimashq: al-Maktab al-Islami.
- al-Sindi, Muhammad bin 'Abd al-Hadi al-Sindi. (1986). *Hashiyah al-Sindi Ala Sunan al-Nasa'i*. Halab: Maktabah al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- al-Tabari , Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir bin Ghailib al-Tabari. (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Thalabi, Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim al-Thalabi. (2002). *al-Kashf wa al-Bayan 'an Tafsir al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Turath al-'Arabi.
- al-Turki, Abdullah bin 'Abd al-Muhsin bin 'Abd al-Rahman al-Turki. (1418H). *Al-Ummah al-Wasat wa al-Minhaj al-Nabawi fi al-Dawah ila Allah*. Riyad: Wizarah al-Shu'un al-Islamiyyah wa al-Dawah wa al-Irshad.
- al-Wahidi, 'Ali bin Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Wahidi. (1430H). *al-Tafsir al-Basit*. Riyad: 'Imadah al-Bahth al-'Ilmi WAMY, al-Nadwah al-'Alamiyyah li al-Shabab al-Islami. (1420H). *Al-Mawsu'ah al-Muyassarah fi al-Adyan wa al-Mazahib wa al-Ahzab al-Mu'asirah*. Al-Qahirah: Dar al-Nadwah al-'Alamiyyah.
- Zaharuddin, Zaharuddin bin Abdul Rahman. (2015). *Kefahaman Erti Jemaah Dari Hadis & Isu Bai'ah*. Diambil: <https://goo.gl/7gjgx3>. [30 Julai 2015].
- Zaharudin, Zaharudin Muhammad. (2015). *Kekeliruan Dato Dr Asri Ketika Menghuraikan Hadis Jemaah Islam*. Diambil: [https://www.facebook.com/permalink.php?story\\_fbid=999293690101066&id=312456128784829](https://www.facebook.com/permalink.php?story_fbid=999293690101066&id=312456128784829). [11 Ogos 2015].